

**TEKS UCAPAN ALUAN  
PROF. DR. RAHA ABDUL RAHIM  
NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUP & PENYAMPAIAN HADIAH**

**KARNIVAL INOVASI UTeMEX 2019**

**10 OKTOBER 2019 (KHAMIS)**

**JAM 2.30ptg**

**DEWAN CANSELOR, KAMPUS INDUK, UTeM**

Bismillahirrahmanirrahim,

Terima Kasih kepada Saudara Pengacara Majlis

**Yang Berbahagia Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas**

Ketua Setiausaha

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

**Yang Berbahagia Prof. Datuk Ts. Dr. Mohamad Razali  
Muhamad**

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UTeM;

**Yang Berbahagia Prof. Dr. Zulkifilie bin Ibrahim,**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTeM;

**Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Nurulfajar bin Abd Manap**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UTeM;

Penolong - Penolong Naib Canselor, Pegawai-pegawai Kanan Universiti, Peserta Karnival Inovasi UTeMEX 2019, AJK Pelaksana, Rakan-Rakan Media, Hadirin dan Hadirat sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Melaka Berwibawa, Pintar, Hijau Bersih

1. Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah SWT, yang telah mengizinkan kita untuk sama-sama berhimpun pada hari ini sempena Karnival Inovasi UTeMEX 2019.
2. Penganjuran UTeMEX pada tahun ini merupakan pengajuran kali kelima sejak penganjuran kali pertama pada tahun 2012. Setinggi-tinggi tahniah kepada Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) dengan kerjasama Pusat Kecemerlangan (CoE), Fakulti-Fakulti, serta Pusat Pengkomersilan UTeM, yang telah bertungkus-lumus merealisasikan penganjuran Karnival Inovasi UTeMEX pada kali ini.

3. Bagi pihak Universiti Teknikal Malaysia Melaka, saya amat mengalu-alukan kehadiran Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia ke UTeM. Terima kasih Dato' kerana sudi memenuhi jemputan kami untuk merasmikan UTeMEX 2019.
4. Kami juga ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada KPM kerana meluluskan “matching grant” kepada UTeM berjumlah RM 2 Juta termasuk RM400,000 untuk tujuan kormesial. Menerusi peruntukan ini, semestinya ia amat menyokong perkembangan dan pemerkasaan penyelidikan dan pengkomersilan UTeM ke aras yang lebih

baik, secara langsung meningkatkan lagi visibiliti dan kedudukan baik Universiti Awam sebaris dengan Universiti ternama di persada global.

5. Dikesempatan ini, saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran dan penglibatan para peserta Karnival Inovasi UTeMEX 2019 yang terdiri daripada Universiti Awam dan Universiti Swasta, Politeknik, Institut Latihan Perindustrian (ILP), Kolej Komuniti, MRSM, Kolej Vokasional (KV) dan Sekolah-Sekolah. Kami amat menghargai kerjasama dan komitmen berterusan yang diberikan dalam menyokong agenda yang

dilaksanakan oleh UTeM berkaitan aktiviti penyelidikan, pembangunan inovasi dan pengkomersilan.

6. Penglibatan dari pihak sekolah, dapat menggalakkan lagi minat para pelajar yang lebih mendalam dalam bidang STEM, seterusnya mendorong mereka untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dalam aliran sains, teknologi dan kejurteraan.

7. Diharapkan dengan penyertaan ini akan mengeratkan lagi ukhwah antara UTeM bersama institusi dan agensi-agensi yang terlibat serta merancakkan lagi budaya penyelidikan dan inovasi ke tahap yang lebih cemerlang, selaras dengan aspirasi negara mencapai Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Insya Allah.

## **Hadirin dan Hadirat sekalian,**

8. Penganjuran Karnival Inovasi UTeMEX 2019 kali ini telah memilih tema *Humanizing Technology In Digital Era*, yang jelas menunjukkan bahawa manusia dan teknologi adalah dua elemen yang tidak dapat dipisahkan terutamanya dalam kehidupan era moden masa kini. Karnival ini juga merupakan medan atau platform untuk memilih produk-produk terbaik untuk dibawa ke peringkat yang lebih tinggi sama ada peringkat kebangsaan atau antarabangsa seperti SIIF, ITEX, MTE dan sebagainya.

9. Sebagai makluman YBhg. Dato` dan para hadirin sekalian, sehingga kini Penyelidik UTeM telah menghasilkan sebanyak 423 I.P sejak tahun 2007, manakala bilangan pengkomersilan sejak tahun 2009 sehingga kini pula adalah sebanyak 11 produk penyelidikan telah dihasilkan.
10. Dalam pertandingan PENCIPTA yang diadakan di UTHM baru-baru ini, kesemua penyertaan produk penyelidikan UTeM telah mendapat pengiktirafan menerusi 6 emas, 4 perak dan 2 gangsa, selain turut meraih Anugerah Khas bagi satu produk inovasi - River Trash Collector System Mark III yang memberi impak besar kepada kesejahteraan komuniti.

11. Justeru itu, kami amat yakin dan percaya Karnival Inovasi UTeMEX 2019 merupakan platform terbaik yang menghimpunkan 170 penyertaan para penyelidik sama ada dari kalangan akademik mahupun pelajar yang merentasi fakulti dan institusi bagi mempamerkan hasil reka cipta yang kreatif dan inovatif, dan berupaya memberi solusi terbaik terhadap permasalahan yang dihadapi oleh industri dan masyarakat.

## **Hadirin dan Hadirat sekalian,**

12. Memetik kata Yang Berhormat Dr. Maszlee Malik, Menteri Pendidikan Malaysia semasa Majlis Amanat beliau pada awal tahun ini, menyatakan bahawa :

“Geran Penyelidikan mestilah fokus kepada *knowledge transfer*, mengalakkan penterjemahan karya-karya besar dan mestilah ke arah menyelesaikan masalah masyarakat dan negara yang bersifat semasa dan *substantial* ”.

13. Mengambil semangat dari kata-kata ini, maka UTeM sentiasa menggalakkan penyelidik untuk terus terlibat lebih aktif, menyumbang dan terus berdamping dengan masyarakat.
14. Usaha ini diterjemahkan menerusi penghasilan pelbagai produk penyelidikan baharu dan menambahbaik reka cipta (enhance invention) produk sedia ada, yang akhirnya dapat memberi manfaat terhadap pembangunan Universiti dan masyarakat yang lebih cemerlang. Ini secara langsung menyokong inisiatif kerajaan dalam mengukuhkan lagi ekosistem akademia dan masyarakat yang lebih baik,

apatah lagi dalam kesemarakan sambutan Hari Akademia pada 5 Oktober lepas dan sambutan bulan Akademia di sepanjang bulan Oktober ini.

**Hadirin dan Hadirat sekalian,**

15. UTeM sentiasa berusaha dalam memastikan semua produk yang dihasilkan berjaya dipaten dan dikomersilkan untuk dimanfaatkan oleh industri serta masyarakat.

16. Melihat kepada kepentingan ini, maka UTeM telah memperkenalkan konsep TUNAI atau Technology @ University Advancing Industry and Society, dengan penekanan terhadap usaha melahirkan ilmuan teknologi atau *technology scholars* yang dapat menyumbang terhadap pemerkasaan bidang sains dan teknologi negara.
17. Selain itu, UTeM menanamkan hasrat tinggi untuk menjadi penyumbang solusi atau *solution providers* dalam pelbagai aspek keperluan bagi menyokong pembangunan akademia, industri dan masyarakat yang lebih lestari.

**Hadirin dan Hadirat sekalian,**

18. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengajak semua warga universiti untuk bersama-sama terus memperkasakan kreativiti dan inovasi dalam melaksanakan tugas, mencipta pelbagai lagi produk penyelidikan yang bermanfaat tinggi dan terus menyokong usaha pembelajaran yang lebih ke hadapan, seperti mana tagline UTeM – Always A Pioneer, Always Ahead.
19. Akhir kata, sekalung tahniah diucapkan kepada Jawatankuasa Pelaksana Karnival Inovasi UTeMEX 2019 dan semua yang terlibat secara langsung maupun tidak

langsung dalam menjayakan penganjuran UTeMEX kali ini dengan jayanya.

**Ke Pulau Besar Bersama Teman,  
Perahu didayung oleh Hulubalang,  
Penyelidik Bergerak Seiring Zaman,  
Membawa Universiti Ke Era Gemilang.**

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu'alaikum wbkth.